

Ucapan : ADHO
432
51/80 } ?
43
50/80

Ucapan Y.B. Enche Hussein Onn, Menteri Pelajaran
di-Majlis Jamuan Muhibbah di-Dewan Sekolah Menengah
Sultan Sulaiman, Trengganu Pada 3.5.71, Pukul 7.30 malam.

Di-hari pertama di-dalam lawatan saya ka-Trengganu ini, saya di-beri peluang berjumpa dan bertemu ramah dengan tuan2 dan puan2 di-hari ini. Sa-memang kena-lah pada tempat-nya bagi kita semua mengada-kan perjumpaan muhibbah di-hari yang berbahagia ini. Sudah berkali2 kita mendengar ucapan daripada penganjor2 kita tentang bagaimana perasaan muhibbah dan perpaduan di-perlukan di-antara semua anggota masharakat di-negara ini dan khas-nya di-negeri Trengganu ini. Saya hari ini mengemukakan hal ini kepada tuan2 dan puan2 yang terdiri dari guru2 supaya tuan2 dan puan2 faham dengan sa-jelas2-nya tujuan kita mengadakan perjumpaan muhibbah. Salah satu daripada prinsip Rukunegara ia-lah kesopanan dan kesusilaan. Untok memupok muhibbah di-kalangan masharakat perlu perasaan ini timbul dengan sa-jujor2-nya daripada anggota masharakat itu. Kesopanan dan kesusilaan tidak-lah di-tunjokkan dengan sechara pura2. Tetapi mesti-lah kita mengamalkan-nya dengan hati yang tulus ikhlas dan benar.

Saya berasa sukachita di-hari ini kerana tanda2 yang jujur dan ikhlas itu tuan telah tunjokkan. Tuan2 dan puan2 berchampur gaul dengan sa-bagitu mesra dan tulus ikhlas.

Bagini-lah semangat yang boleh di-chontohi oleh murid2 sekolah yang akan menjadi bakal pemimpin negara ini di-masa hadapan. Kesopanan dan kesusilaan yang kita amalkan dengan jujur dan ikhlas itu dapat menjadi chontoh kepada mereka itu. Tuan2 dan puan2 sebagai guru dan juga ibu bapa ada-lah bertanggung-jawab atas untong nasib penuntut2 yang kita bimbing ini. Mereka itu merupakan manusia yang berhati berseh yang sekira-nya di-bimbing dengan sa-jujor2-nya akan menjadi orang2 dewasa yang bersopan dan berkesusilaan.

Seringkali ada terdapat pendidek2 yang menyalahkan ibu bapa tentang kelemahan dan mundor-nya sa-saorang penuntut di-sekolah. Mereka itu mengatakan bahawa penuntut2 ada-lah di-bawah jagaan mereka semata2 beberapa jam sahaja di-sekolah; dan sa-bilangan besar masa penuntut2 itu ada-lah di-bawah jagaan ibu-bapa2 di-rumah. Mengikut mereka ini, tanggung-jawab tentang pelajaran, kesopanan dan kesusilaan penuntut2 itu ada-lah terletak di-bahu ibu-bapa2. Sa-balek-nya pula, terdapat setengah ibu bapa yang mengecham guru2 kerana tidak memberi pelajaran yang sa-chukup2-nya dan sa-kemas2-nya kepada anak2 mereka. Mereka itu menyangkakan kegagalan anak2 mereka, terutama-nya di-dalam pepereksaan, ada-lah di-sebabkan oleh guru2 anak2 mereka itu. Ini ada-lah di-sebabkan oleh kurang persafahaman di-antara ibu-bapa2 dan guru2.

Dengan ada-nya perhubungan di-antara guru2 dengan ibu-bapa2 dan dengan Ketua Jabatan dan perhubungan di-antara satu pihak dengan pihak yang lain yang saya nyatakan ini, dapat-lah masaalah persekolahan dan masaalah pelajaran penuntut2 di-selesaikan dengan sewajar2-nya,

walau rumit sekali pun. Pihak Kementerian Pelajaran selalu mendapat surat2 aduan terhadap guru2 besar dan terhadap guru2 di-beberapa buah sekolah. Sa-benar-nya, tuduhan2 seperti ini tidak mungkin timbul sekira-nya terdapat perhubungan yang erat dan mesra di-antara ketiga2 pihak yang di-nyatakan di-atas. Kadang2 saya berasa kluatir tentang tuduhan2 seperti ini kerana setengah daripada perkara2 yang di-kemukakan itu ada-lah lebeh dekat dengan tuan2 dan lebeh bermaana dan jelas kapada tuan2 dan puan2.


Di-antara tuan2 di-sini terdapat juga guru2 besar. Guru2 besar merupakan ketua dan pemimpin sa-sabuah sekolah. Ia ada-lah anggota yang terpenting dan berpengaruh sekali di-sekolah-nya. Malahan boleh menjadi sa-orang yang berpengaruh di-dalam kampung atau bandar atau masharakat-nya. Maju dan mundor-nya sekolah, murid2 dan guru2-nya, terletak sa-bahagian besar di-bahu guru besar. Setengah2 guru besar mungkin mempunyai pengalaman sebagai guru dan guru besar selama 30 tahun. Terdapat pula guru2 besar yang muda yang mungkin mempunyai pengalaman menjadi guru besar selama 3 tahun atau pun 3 bulan. Guru besar yang muda seperti ini mungkin penuh dengan tenaga dan daya usaha untok membawa perubahan yang pantas di-dalam pentadbiran dan di-dalam jagaan di-sekolah-nya. Guru2 besar yang telah berumur mungkin tidak sa-bagitu panas darah-nya tetapi pengalaman-nya itu sangat-lah berguna dan berharga. Kemajuan dan pelajaran bagi-nya terus maju. Ia juga menjalankan perubahan tetapi perubahan ini ada-lah di-jalankan dengan mempergunakan pengalaman-nya.

Saya tidak berniat dan juga tidak mengatakan bahawa guru2 besar yang berpengalaman ini tidak-lah bergerak dengan secepat2-nya bagi mengadakan perubahan2 untok kebaikan murid2, guru2, ibu-bapa2 dan masharakat mereka. Perubahan yang berlaku sama ada chepat atau lambat di-kalangan anggota2 yang boleh di-pengaruhkan oleh sa-saorang guru besar itu juga bergantung kapada sa-saorang guru besar itu sendiri. Ia mungkin sa-orang yang berumur tetapi lebeh progressif anggapan dan sikap-nya daripada saorang guru besar yang lebeh muda daripada-nya. Oleh kerana keadaan manusia itu berlainan dari manusia yang lain, maka perlu-lah mereka itu saling mengadakan perjumpaan dan perbinchangan bagi menyelesaikan masalah yang sama. Guru2 besar mungkin menghadapi masalah kekurangan guru2 sains atau masalah penempatan dan sebagai-nya. Masalah2 seperti ini dapat di-selesaikan dengan sewajar2nya sekira-nya ada perbinchangan dan pakatan di-antara guru2 besar, terutama-nya di-antara guru2 besar yang sekolah mereka di-satu tempat. Saya menyeru supaya perjumpaan, perbinchangan dan perpaduan di-antara guru2 besar lebeh2 lagi di-banyakkan dan di-perkuatkan.

Dengan daya usaha dan pimpinan guru2 besar, guru2 juga dapat menjalankan kegiatan di-dalam sekolah dan di-luar sekolah bagi kebaikan guru2 dan juga kebaikan murid2. Saya chadangkan supaya guru2 lebeh2 lagi bergiat untok mengambil bahagian di-dalam pergerakan sukarela untok menolong orang2 yang tidak berdaya. Jangan-lah menyangkakan tanggung jawab Che Gu2 ada-lah selesai di-sekolah sahaja. Tanggong jawab dan minat Che Gu2 terhadap murid2, khas-nya, ada-lah sepanjang masa.

Sa-terus-nya, saya ingin menyatakan kapada semua yang ada di-sini, pada malam ini, supaya menahami dengan sa-dalam2-nya Perlembagaan kita dan Dasar Pelajaran supaya tidak di-perdayakan oleh pihak2 yang suka menimbulkan perasangka dan perselisihan faham di-antara pihak2 yang mentadbir dan pihak2 yang di-tadbir. Saya menyampaikan nasehat ini supaya dasar dan rancangan pelajaran tidak di-salah fahankan atau di-ragu2kan.

Akhir kata, saya menguchapkan terima kaseh kapada tuan2 dan puan2 kerana menjemput saya ka-majlis ini dan dapat bertemu ramah dengan tuan2 dan puan2 sakalian.



No Siri	29
No Penerimaan	29/80